

# HUBUNGAN SIKAP TERHADAP EFIKASI KENDIRI GURU PELATIH PENDIDIKAN KHAS DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS

*The Relationship between Attitude and Self Efficacy of the Special Education Preservice Teachers at Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus*

<sup>1</sup>*Mohd Zainal Abidin Che Mood*

<sup>2</sup>*Mohd Aminuddin Ab Rahaman*

<sup>3</sup>*Loh Sau Cheong (PhD)*

<sup>4</sup>*Zaharah Hussin (PhD)*

<sup>1&2</sup>*Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas*

<sup>3&4</sup>*Universiti Malaya*

<sup>1</sup>*zainalabidin80@oum.edu.my*

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau hubungan antara sikap dalam mempengaruhi efikasi sendiri Guru Pelatih Pendidikan Khas bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) di IPG Kampus Ilmu Khas. Terdapat lima elemen sikap yang ditekankan dalam kajian ini iaitu kesedaran sendiri, kawalan sendiri, kemahiran teknikal, kemahiran interpersonal dan empati. Kajian ini telah dijalankan menggunakan pendekatan kajian kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada 96 guru pelatih pendidikan khas. Data dan dapatan kajian yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan statistik inferensi menggunakan SPSS (Statistical Package For Social Science) 22.0 for Windows. Instrumen yang digunakan untuk mengukur sikap ialah Scale of Teachers Attitude Toward Inclusion-STATIC yang dibangunkan oleh Cochran (1998). Manakala bagi mengukur efikasi sendiri guru pelatih, pengkaji telah menggunakan instrumen Skala Efikasi Guru (Teacher Efficacy Scale-TES) yang dibangunkan oleh Woolfolk dan Hoy (1990) yang mengadaptasi instrumen Gibson dan Dembo (1984).

**Kata Kunci:** sikap, efikasi sendiri guru pelatih

## ABSTRACT

*The purpose of this study is to test the relationship between attitudes influencing the self-efficacy of the Special Education PreService Teachers at Institute of Teacher Education Campus Ilmu Khas. Five elements of attitude were emphasized in this study: self-awareness, self-control, technical skills, interpersonal skills and empathy. This study adopts a quantitative approach. The instrument used to measure the attitude is the Scale of Teachers Attitude towards Inclusion-STATIC by Cochran (1998). Whereby to measure the self-efficacy of the preservice teachers, the Teacher Efficacy Scale (Teacher Efficacy Scale-TES) instrument, developed by Woolfolk dan Hoy (1990) and adapted from Gibson and Dembo (1984), was used.*

**Keywords:** attitude, self-efficacy in pre-service teachers

## PENGENALAN

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meninjau hubungan sikap terhadap efikasi sendiri guru pelatih pendidikan khas di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Kedua-dua aspek ini diukur dari perspektif guru-guru pelatih pendidikan khas yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP). Sikap guru pelatih dalam program pendidikan khas bererti kepercayaan atau kecenderungan tingkah laku guru yang mempunyai dimensi penilaian terhadap program tersebut.

Pendidikan memainkan peranan utama bagi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam bilik darjah merupakan petunjuk terbaik bagi kemajuan masa depan sesebuah negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Oleh yang demikian, guru dilihat sebagai agen penting dalam mencapai hasrat negara dalam melahirkan modal insan unggul dan cemerlang dalam pendidikan.

Sejajar dengan itu, melalui pelaksanaan transformasi dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, guru-guru akan didedahkan dengan budaya kerjasama dan kecemerlangan profesional. Guru akan saling bekerjasama dalam menangani isu dan berkongsi amalan terbaik. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Sehubungan dengan itu, guru pelatih dilihat perlu didedahkan dengan budaya kerjasama dan kecemerlangan profesional melalui pelbagai bimbingan yang baik bagi membentuk sikap yang positif dalam kalangan guru. Hal ini penting bagi meningkatkan efikasi guru pelatih dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Ini kerana hasil kajian mendapati, sikap mampu meningkatkan efikasi guru (Ebmeier, 2003; Hallinger, 2005; Nurahimah & Rafisah, 2010; Chang et.al, 2010; 2011; Leonard, 2013)

## DEFINISI ISTILAH

### *Sikap*

Ahli-ahli penyelidikan memberi pelbagai takrifan tentang istilah sikap. Mengikut Anderson et al., (2012) terdapat lima ciri sikap yang jelas iaitu emosi, sasaran, arah tuju, kekuatan dan ketekalan. Ciri-ciri sikap boleh dibahagi kepada ukuran positif, neutral dan negatif. Jika sesuatu sikap adalah positif, ia akan dituju dengan baik ke sasarannya dan sebaliknya. Sikap seseorang boleh diukur dengan memberi pernyataan yang membolehkannya memberi respons sama ada positif atau sebaliknya terhadap item yang diberikan.

Dari segi bentuk psikologi, sikap didefinisikan sebagai suatu keadaan mental yang sedia wujud, yang dibentuk melalui pengalaman dan memberi tekanan dinamik terhadap tindak balas seseorang individu terhadap objek atau situasi yang berkaitan. Sikap dikatakan diproses melalui pembelajaran dan bersifat implisit.

Kajian ini mendefinisikan sikap sebagai suatu bentuk psikologi yang boleh diterangkan oleh kecenderungan tingkah laku seseorang individu yang menunjukkan kesediaan untuk memberi respons secara penilaian dan tekal. Sikap guru pelatih pendidikan khas terhadap efikasi sendiri merupakan kecenderungan tingkah laku guru pelatih untuk memberi respons baik atau sebaliknya terhadap item-item dalam soal selidik yang disediakan. Respons guru pelatih boleh diukur secara berterusan daripada positif (sangat setuju) ke negatif (sangat tidak setuju) dalam soal selidik yang ditadbirkan.

***Efikasi Kendiri***

Efikasi sendiri bermaksud kepercayaan atau keyakinan seseorang itu dalam melaksanakan tingkah lakunya untuk mencapai sesuatu maksud dengan berjaya. Bandura (1986) menyatakan efikasi sendiri mempengaruhi prestasi dengan meningkatkan usaha dan kecekalan. Individu yang mempunyai efikasi sendiri tinggi bekerja lebih rajin dan mampu bekerja dalam tempoh yang lama dibandingkan dengan individu yang mempunyai efikasi sendiri rendah (Wood & Bandura, 1989).

Bandura (1986), menyatakan efikasi sendiri mempengaruhi prestasi dengan meningkatkan usaha serta kecekalan dan individu yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi bekerja lebih rajin dan mampu bekerja dalam tempoh yang lama berbanding dengan individu yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah (Wood & Bandura, 1989).

**PERNYATAAN MASALAH**

Sikap merupakan variabel penting dalam pelaksanaan kelas idea-idea baru dan pendekatan yang lebih baik dalam memberi arahan (Reinke & Moseley, 2002). Menurut Abdul Rahim (2001) dan Aripin Yuddin (2008), sikap adalah suatu konsep yang paling penting dalam psikologi sosial dan ia memberi kesan yang khusus kepada tingkah laku, daya usaha, minat dan kesedaran.

Dalam konteks sekolah, sikap guru sangat penting disebabkan adanya hubungan antara sikap dan tindakan. Sikap guru sering diterjemahkan ke dalam amalan-amalan pengajaran dalam bilik darjah yang dikatakan mempengaruhi tingkah laku murid dan hasil pembelajaran (Cook, 2002). Rahmad Sukor Ab. Samad dan Norliza Shoib (2006) dalam kajian mereka terhadap 110 orang guru sekolah menengah di Kuala Lumpur menunjukkan sikap guru agak positif dan terbuka dengan penglibatan atau untuk dilibatkan dalam pelbagai bentuk dan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kebanyakan kajian mengenai sikap adalah berkisar tentang sikap pengetua, guru besar dan guru-guru yang telah lama berkhidmat di sekolah ke atas efikasi guru. Kajian yang melibatkan sikap guru pelatih pendidikan khas sangat kurang dikaji. Sikap yang dimiliki oleh guru pelatih mempunyai hubungan terhadap efikasi sendiri guru pelatih pendidikan khas. Justeru, satu kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti tentang sikap yang mungkin wujud ke atas efikasi sendiri guru pelatih pendidikan khas adalah diperlukan.

**OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan berasaskan kepada beberapa objektif yang telah dikenal pasti. Objektif tersebut adalah seperti berikut:

***Objektif Kajian***

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungan antara sikap dengan efikasi sendiri guru pelatih pendidikan khas di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.

***Persoalan Kajian***

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang tertera, kajian ini mengandungi objektif khusus seperti berikut:

- i. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan efikasi sendiri guru pelatih pendidikan khas di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas?
- ii. Apakah dimensi peramal bagi konstruk sikap yang dominan dalam menggalakkan efikasi sendiri guru pelatih pendidikan khas di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas?

## **METODOLOGI KAJIAN**

### ***Reka bentuk Kajian***

Secara dasarnya, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif secara soal selidik. Kajian ini bersandarkan kepada pendekatan kombinasi di antara deskriptif, inferensial dan korelasional (Frankeal, Wallen & Hyun, 2011). Menurut Mohd Majid Konting (2004), reka bentuk kajian merupakan teknik dan kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Reka bentuk kajian ini berasaskan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan.

Kaedah tinjauan sesuai digunakan dalam kajian ini kerana terdapat kelebihan yang antaranya ialah kaedah ini mengumpulkan jawapan terus dari subjek kajian, data dapat dikutip dengan cepat dan keupayaan keputusan kajian untuk digeneralisasikan kepada populasi dengan tepat dan berkesan (Chua Yan Piaw, 2006). Kaedah tinjauan juga berguna untuk mengukur pendapat, sikap dan tingkah laku (Kothari, 2012). Selain itu, penggunaannya juga bertujuan memberi perhatian terhadap penghuraian, penjelasan dan penerokaan kepada perkara yang dikaji (Babbie, 1998).

### ***Sampel Kajian***

Sampel kajian terdiri daripada 96 orang guru pelatih pendidikan khas, Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PPISMP) di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Sampel dipilih menggunakan kaedah pensampelan mudah (Convenience sampling). Walaupun pensampelan ini tidak dapat di generalisasi secara umumnya, namun dapatan kajian berpaksikan kedah bukan kebarangkalian adalah kaedah terbaik digunakan jika pengkaji tidak mempunyai kerangka pensampelan (Sekaran & Bougie, 2010; Malhotra, 1999). Populasi (target population) kajian terdiri daripada guru pelatih pendidikan khas.

### ***Instrumen Kajian***

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Borang soal selidik telah direka bentuk adalah berdasarkan kepada kajian lepas. Instrumen yang digunakan bagi mengukur sikap guru pelatih telah diubahsuai dari instrumen *Scale of Teachers Attitude Toward Inclusion-STATIC* – Hay Group oleh Boyatzis, Goleman dan Hay Group, (2001) yang mengandungi item. Manakala Soal selidik efikasi sendiri guru mengandungi 24 item dan diubahsuai dari ‘Teacher Sense of Efficacy Scale’ (Tschannen-Moran dan Woolfolk Hoy, 2001). Setiap item mempunyai lima pilihan jawapan iaitu skala berbentuk ‘numerical rating’ dari skala 1 sehingga 5 mengikut darjah persetujuan responden bagi setiap item.

### ***Analisis data kajian***

Kajian ini menggunakan kaedah statistik dan dianalisis dengan menggunakan perisian ‘*Statistical Package For The Sosial Sciences*’ (SPSS) versi 22.0. Ujian Korelasi Pearson (*Pearson Product-moment*) digunakan untuk menganalisis hubungan antara sikap dan efikasi sendiri guru pelatih. Kekuatan sesuatu korelasi diwakili oleh pekali korelasi ( $r$ ) iaitu nilai yang menunjukkan kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah (bebas dan bersandar) dan berada antara +1.00 hingga -1.00 di mana menurut Chua (2006) korelasi

antara 0.91 hingga 1.00 (Sangat Kuat); 0.71 hingga 0.90 (Kuat); 0.51 hingga 0.70 (Sederhana); 0.31 hingga 0.50 (Lemah); 0.01 hingga 0.30 (Sangat Lemah) dan .00 (Tiada Korelasi). Seterusnya, kajian ini juga menggunakan statistik inferensi, yang terdiri daripada regresi pelbagai (*multiple regression*). Analisis regresi pelbagai (*multiple regression*) telah digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis dimensi dalam komponen sikap yang merupakan peramal kepada efikasi sendiri guru pelatih pendidikan khas IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur.

**Reliabiliti alat kajian**

Reliabiliti bermaksud darjah kesesuaian dan keyakinan terhadap pengukuran sesuatu alat kajian dan ia semestinya mempunyai ciri-ciri kestabilan, konsistensi, keramahan dan ketepatan (Kerlinger, 1986, dalam Yoes Amirudin, 2007). Kajian ini akan menggunakan model Cronbach’s alpha untuk mengukur realibiliti atau kebolehpercayaan alatan kajian yang digunakan dalam kajian ini. Pemilihan ini adalah berasaskan kepada model Cronbach alpha merupakan satu metodologi realibiliti atau kebolehpercayaan ketekalan sesuatu alat ukuran yang menggunakan jawapan tidak dikotomi dan ianya amat sesuai digunakan ke atas alat ukuran yang mempunyai lebih daripada skala Likert 5 poin (Yoes Amirudin, 2007). Nilai-nilai Cronbach’s alpha nanti akan diinterpretasi melalui penilaian yang dibuat oleh Hair, Babin, Money dan Samouel (2003) yang tertera dalam Jadual 1:

Jadual 1

*Interpretasi nilai pekali Cronbach’s Alpha*

Julat Pekali Cronbach’s alpha Kekuatan Realibiliti	
< .6	Lemah
.6 ke < .7	Sederhana
< .7 ke < .8	Baik
< .8 ke < .9	Sangat baik
0.9	Cemerlang

Jadual 2

*Reliabiliti instrumen kajian*

Bahagian	Konstruk	Butiran	Nilai ( $\alpha$ )
A	Sikap	50 soalan	.768
B	Efikasi sendiri	26 soalan	.785

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reliabiliti untuk mengukur ketepatan data (*goodness of data*). Menurut Sekaran dan Bougie (2010) konstruk validiti dilakukan untuk menguji sama ada instrumen yang digunakan adalah sesuai dan baik untuk digunakan bagi mengukur sesuatu data. Manakala reliabiliti digunakan untuk mengukur sejauh mana konsistensi alat ukur yang diukur menggunakan konstruk yang dibentuk. Analisis data dalam kajian ini dilakukan dengan menggunakan analisis faktor penerokaan (*exploratory factor analysis-EFA*) bagi mengesahkan kebolehpercayaan dan kesahan (diskriminan) bahawa setiap konstruk yang diuji mewakili dimensi yang dikaji (Byrne, 2010; Hair, et al., 2010). Hasil daripada ujian yang dijalankan nilai kebolehpercayaan atau reliabiliti mendapati nilai alpha Cronbach bagi keseluruhan item bagi instrumen sikap adalah  $\alpha = .768$ , manakala bagi instrumen efikasi sendiri adalah  $\alpha = .785$ . Maka reliabiliti kajian menepati kesahannya berdasarkan darjah kesesuaian dan keyakinan terhadap

alat pengukuran yang mempunyai ciri-ciri kestabilan, konsistensi, keramahan dan ketepatan (Kerlinger, 1973). Terdapat pelbagai pendapat bagi menentukan nilai kebolehpercayaan berdasarkan tinjauan literatur. Nunnally (1978) berpendapat bahawa nilai kebolehpercayaan adalah melebihi .70 untuk menentukan internal consistency. Selain itu, Carmines dan Zeller (1979) menyatakan bahawa nilai kebolehpercayaan adalah .70 atau lebih. Namun, skala baru menunjukkan bahawa nilai .60 adalah boleh dipertimbangkan dan diterima (Nunnally & Bernstein, 1994).

## DAPATAN KAJIAN

Seramai 96 sampel kajian dipilih dalam kajian ini. Kesemua responden adalah guru pelatih PISMP pendidikan khas dari Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Jadual 4 memaparkan latar belakang responden berdasarkan faktor demografi.

### *Analisis demografi*

Jadual 3

*Profil responden kajian (guru pelatih)*

Maklumat Responden (N=96)	Frekuensi	Peratusan (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	32	33.3
Perempuan	64	66.7
<b>Umur</b>		
21 - 23	35	36.5
24 - 26	61	63.5
<b>Pengalaman mengajar praktikum</b>		
kurang 5 bulan	23	23.9
5 – 15 bulan	24	25.0
16 - 20 bulan	49	51.1

Berdasarkan kepada latar belakang responden, jumlah guru pelatih perempuan yang terlibat dalam kajian ini adalah lebih ramai, iaitu seramai 64 orang (66.7%), berbanding jumlah guru pelatih lelaki, iaitu seramai 32 orang (33.3%). Dari segi umur, responden yang berumur 21-23 tahun adalah seramai 35 orang (36.5%), dan 61 orang (63.5%) adalah berumur di antara 24-26 tahun. Hasil analisis frekuensi pengalaman mengajar praktikum pula mendapati, guru pelatih yang berpengalaman mengajar kurang lima bulan adalah lebih kurang yang terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 23 orang (23.9%), berbanding dengan guru pelatih yang berpengalaman mengajar selama 5-15 bulan iaitu seramai 25 orang (25.0%) dan yang berpengalaman mengajar praktikum 16-20 bulan adalah paling ramai yang terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 49 orang (51.1%).

### *Hubungan sikap dengan efikasi sendiri guru pelatih pendidikan khas di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas?*

Ujian korelasi Pearson (*Pearson Product-moment*) digunakan bagi menganalisis hubungan antara dua pemboleh ubah kajian iaitu untuk mengetahui hubungan antara sikap dan efikasi sendiri guru pelatih pendidikan khas di IPG Kampus Ilmu Khas. Hasil analisis adalah seperti dalam Jadual 3

Jadual 5

*Korelasi antara sikap dan efikasi sendiri guru pelatih*

Dimensi	Efikasi Kendiri		
	r	r <sup>2</sup>	Sig**
Kesedaran Diri	.440	.356	.000
Kawalan Kendiri	.462	.352	.000
Kemahiran Teknikal	.454	.358	.000
Kemahiran Interpersonal	.473	.355	.000
Empati	.484	.354	.000
<b>Sikap</b>	<b>.496</b>	<b>.363</b>	<b>.000</b>

*Nota:*\*\*korelasi adalah signifikan pada tahap  $p < .01$

Hasil analisis mendapati bahawa hubungan antara sikap dan efikasi sendiri guru pelatih adalah signifikan secara statistik dan positif ( $r = .496, p < .01$ ). Walau bagaimanapun, hubungan yang ditunjukkan adalah pada tahap sederhana kuat. Nilai varian ( $r^2 = .363$ ) menunjukkan bahawa 36.3% daripada perubahan keseluruhan efikasi sendiri guru adalah disebabkan oleh faktor sikap guru pelatih. Manakala 63.7% perubahan lagi dalam efikasi sendiri guru disebabkan oleh faktor-faktor lain. Kesemua dimensi yang mewakili sikap guru pelatih menunjukkan hubungan yang sederhana kuat iaitu dimensi kesedaran sendiri ( $r = .440, p < .01$ ), dimensi kemahiran teknikal ( $r = .454, p < .01$ ), dimensi kawalan sendiri ( $r = .462, p < .01$ ), dimensi kemahiran interpersonal ( $r = .473, p < .01$ ) dan dimensi empati ( $r = .484, p < .01$ ). Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan antara sikap dengan efikasi sendiri guru pelatih di IPG Kampus Ilmu Khas. Sikap dibuktikan mempengaruhi efikasi sendiri guru pelatih. Keputusan dapatan di atas memberikan implikasi bahawa seseorang guru pelatih yang mempunyai tahap sikap yang tinggi turut meningkatkan efikasi sendiri guru pelatih pendidikan khas di IPG Kampus Ilmu Khas.

***Dimensi peramal bagi sikap yang dominan dalam menggalakkan efikasi sendiri guru guru pelatih pendidikan khas***

Analisis regresi pelbagai (*Multiple Regression*) digunakan oleh pengkaji bagi mengenal pasti kesan setiap dimensi dalam komponen sikap guru pelatih (pemboleh ubah bebas) yang merupakan peramal yang dominan dalam menggalakkan efikasi sendiri guru pelatih (pemboleh ubah bersandar) IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur.

Jadual 6

*Analisis Regresi Pelbagai (Stepwise): Penyumbang terhadap perubahan dalam efikasi sendiri guru pelatih.*

Pemboleh Ubah	B	Beta	Nilai t	Sig. t	R <sup>2</sup> diselaraskan	Sumbangan %
Kesedaran sendiri	.316	.549	4.832	.000	.322	24.3%
Kemahiran teknikal	.132	.186	3.053	.032	.212	0.6
Pemalar ( <i>constant</i> )	2.762		18.236	.000		

R	.549
R <sup>2</sup>	.322
R <sup>2</sup> diselaraskan ( <i>Adjusted R<sup>2</sup></i> )	.315
Ralat piawai ( <i>Standard Error</i> )	.637

Hasil dari analisis regresi pelbagai (*stepwise*) dari Jadual 6 menunjukkan bahawa daripada lima dimensi sikap guru pelatih hanya dua dimensi iaitu dimensi kesedaran sendiri dan dimensi kemahiran teknikal guru pelatih yang mempunyai korelasi dan memberikan sumbangan (21.2%) yang signifikan secara statistik ( $p < .05$ ) kepada efikasi sendiri guru pelatih IPG Kampus Ilmu Khas. Peramal utama dan tertinggi kepada efikasi sendiri guru pelatih IPG Kampus Ilmu Khas ialah dimensi kesedaran sendiri ( $\beta = .549$ ,  $t = 4.832$  dan  $p = .000$ ). Ujian-t yang signifikan pada  $p < .05$  dan nilai R kuasa dua ( $R^2 = .322$ ) menunjukkan sumbangan dimensi kesedaran sendiri sebanyak 24.3% terhadap efikasi sendiri guru pelatih. Keadaan ini menunjukkan apabila skor emosi guru pelatih bagi dimensi kesedaran sendiri bertambah sebanyak satu unit, tahap efikasi sendiri guru bertambah sebanyak .549 unit. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa sikap guru pelatih bagi dimensi kesedaran sendiri adalah faktor peramal utama yang menyumbang sebanyak 32.2% kepada efikasi sendiri guru pelatih IPG Kampus Ilmu Khas.

## PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Sikap merupakan kemahiran yang sangat penting kepada bakal-bakal guru dalam proses mempersiapkan mereka untuk menjadi seorang guru yang kompeten. Oleh itu kemahiran ini perlu dipertingkatkan dalam usaha melahirkan modal insan berkualiti. Hal ini pernah dikongsi oleh Cochran (1998), dengan menegaskan bahawa sikap mempunyai pengaruh yang sangat penting terhadap kejayaan individu dalam kehidupan, jika dibandingkan dengan kejayaan intelek. Beliau percaya bahawa sikap memberi sumbangan kepada beberapa aspek kehidupan seperti kurangnya tekanan, peningkatan kesejahteraan kesihatan mental, peningkatan pembelajaran, penurunan tingkah laku agresif, kebolehan membuat keputusan yang baik dan kemantapan dalam hubungan interpersonal.

Dapatan dari kajian menunjukkan bahawa berdasarkan persepsi guru pelatih di IPG Kampus Ilmu Khas bahawa terdapat hubungan yang signifikan secara statistik dan positif antara sikap guru pelatih pendidikan khas dan kelima-lima dimensi sikap guru pelatih pendidikan khas dengan efikasi sendiri guru, namun kekuatan korelasi adalah pada tahap yang sederhana. Sikap guru pelatih pendidikan khas didapati mempengaruhi sendiri guru. Keputusan dapatan di atas memberikan implikasi bahawa seseorang guru pelatih pendidikan khas yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi turut meningkatkan efikasi sendiri guru sekolah menengah di Negeri Sembilan. Dapatan kajian ini menyamai kajian terdahulu oleh Siti Faedah Hashim dan Mohd Zuri Ghani (2013) yang mendapati wujud pengaruh sikap guru pelatih pendidikan khas terhadap motivasi kerja guru iaitu terdapat hubungan yang signifikan secara sederhana antara sikap guru pelatih pendidikan khas dan efikasi sendiri. Gardner, Avolio, Luthans, May dan Walumbwa (2005) mendapati guru pelatih yang mempunyai sikap yang positif berkebolehan untuk menggunakan pengetahuan emosi ini bagi mengekalkan emosi positif dalam kalangan mereka bagi menyokong matlamat organisasi dan meningkatkan efikasi kolektif organisasi.

Kajian juga mendapati, dimensi pengurusan sendiri merupakan peramal utama kepada efikasi sendiri guru pelatih pendidikan khas. Pengurusan sendiri yang ditunjukkan juga merujuk kepada kesediaan untuk bertindak ke atas setiap peluang yang ada, tanpa menunggu arahan atau paksaan, sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat, mampu untuk mengetepikan peraturan dan kerendah birokrasi bagi tujuan pencapaian matlamat. Guru pelatih pendidikan khas memerlukan sikap sebegini agar proses pengajaran mereka nanti berjalan dengan berkesan bagi memastikan matlamat menghasilkan pelajar yang cemerlang tercapai. Pengaruh luaran yang negatif perlulah diabaikan dan kebolehan guru pelatih pendidikan khas untuk membuat keputusan dengan baik sangat penting selain turut menerima pandangan dari sudut positif, menerima peluang dan mengetepikan ancaman dan halangan serta berusaha mencari penyelesaian bagi memulakan suatu tindakan ke arah kebaikan. Kesemua ciri yang dinyatakan di atas adalah antara kompetensi dalam pengurusan sendiri yang perlu dikuasai oleh guru pelatih pendidikan khas sebagai bakal guru yang akan ditempatkan di sekolah. Apabila pengurusan sendiri ini dikuasai maka guru pelatih



pendidikan khas akan lebih mudah untuk menguruskan pelbagai emosi semasa berada dalam kalangan guru, pelajar dan warga sekolah.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, jelaslah sikap memainkan peranan penting dalam meningkatkan efikasi sendiri guru pelatih pendidikan khas. Individu yang memiliki kecekapan sikap yang tinggi dapat memaksimumkan potensi akal, hati dan budi. Selain itu, kekuatan dan kemajuan sesebuah negara banyak bergantung kepada sistem pendidikan yang baik dan berkesan, manakala kekuatan sesebuah sistem pendidikan itu bergantung kepada guru yang berkualiti. Seperti yang dinyatakan dalam Wawasan 2020 (Mahathir 2001), pendidikan merupakan agenda penting yang akan memenuhi aspirasi menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjadi realiti. Justeru, kita mestilah mempunyai guru-guru yang berkualiti dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk merealisasikan wawasan tersebut. Proses pendidikan dan latihan guru haruslah menentukan calon guru mempunyai minat, sikap dan motivasi yang tinggi terhadap kerjaya perguruan serta kemahiran yang tinggi dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan dapatan kajian, ini maka persoalan kajian telah dapat dijawab dan objektif kajian telah tercapai.

## RUJUKAN

- Ahmad Zamri Khairani & Nordin Abd. Razak. (2012). An analysis of the teachers' sense of efficacy scale within the Malaysian context using the Rasch measurement model. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 69, 2137-2142.
- Azizuddin, Khan, Fleva, E., & Qazi, T. (2015). Role of self-esteem and general self-efficacy in teachers' efficacy in primary schools. *Psychology*, 6, 117-125.
- Bandura, A. (1982). Self-efficacy mechanism in human agency. *American Psychologist*, 37(2), 122-147. <http://doi.org/10.1037/0003-066X.37.2.122>
- Babbie, E. (2014). *The Basics of Social Research (6th ed.)*. USA: Wadsworth.
- Carmines, E. G., & Zeller, R. A. (1979). Reliability and validity assessment. *Quantitative Applications in the Social Sciences*. <http://doi.org/10.1037/018269>
- Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah dan statistik penyelidikan: *Asas Statistik penyelidikan buku 2*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Cohen, J. (2013). *Statistical power analysis for the behavioural sciences. Statistical Power Analysis for the Behavioural Sciences* (Vol. 2nd). <http://doi.org/10.1234/12345678>
- Dibapile, W. T. S. (2012). A literature review on teacher efficacy classroom management. *Proceedings of The 2011 New Orleans International Academic Conference*, 211-220.
- Gardner, W. L., Avolio, B. J., Luthans, F., May, D. R., & Walumbwa, F. O. (2005). Can you see the real me? A self-based model of authentic leader and follower development. *Leadership Quarterly*, 16(3), 343-372
- Gay, L.R., Mills, G. E., & Airasian, P. (2012). *Educational research: competencies for analysis and applications (10th ed.)*. Boston: Pearson.

- Gibson, S., & Dembo, M. H. (1984). Teacher efficacy: A construct validation. *Journal of Educational Psychology*, 76(4), 569–582. <http://doi.org/10.1037/0022-0663.76.4.569>
- Kerlinger, F. N. (1986). *Foundations of behavioural research* (3rd ed.). Fort Worth, TX: Holt, Rinehart & Winston.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Pra sekolah hingga Lepas Menengah)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Krejcie, R., & Morgan, D. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- Magno, C. & Sembrano, J. (2008). The role of teacher efficacy and characteristics on teaching effectiveness, performance and the use of learner-centered practices. *The Asia-Pacific Educator Researcher*, 16(1), 73-87.
- Mazlan bin Ahmad (2000). *Hubungan iklim organisasi sekolah dengan kepuasan kerja guru yang mengajar kanak-kanak istimewa di Daerah Hulu Langat*. Projek Master Sains yang tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Munaim Mahmud. (2013). Pengaruh kepemimpinan instruksional guru besar ke atas efikasi guru. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 14, 232-251.
- Mohd Yusri Ibrahim. & Aziz Amin. (2014). Model kepemimpinan pengajaran guru pelatih dan kompetensi pengajaran guru. *Jurnal kurikulum dan pengajaran asia pasifik*, 2(1), 11-25
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). New York, NY: McGraw-Hill.
- Powell, J. C., & Anderson, R. (2002). Changing teachers' practice: curriculum materials and science education reform in the USA. *Studies in Science Education*, 37(1), 107–135. <http://doi.org/10.1080/03057260208560179>
- Sukarmin. (2010). *Hubungan tingkah laku kepemimpinan pengajaran guru besar dengan keafiatan sekolah, komitmen organisasi, efikasi dan kepuasan guru sekolah*. (Tesis Ph.D., Universiti Utara Malaysia).
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). *Research methods for Business*. New York, NY: Wiley.
- Tschannen-Moran, M., Hoy, a. W., & Hoy, W. K. (1998). Teacher efficacy: Its meaning and measure. *Review of Educational Research*, 68(2), 202–248. <http://doi.org/10.3102/00346543068002202>
- Woodrow, J.E.J. (1992). The influence of programming training on the computer literacy and attitude of pre service teachers. *Journal of Research on Computing in Education*. 25 (2), 200-219.